


2024-2025

TAIWAN

Sepintas Lalu

Diterbitkan oleh Kementerian Luar Negeri
ROC Taiwan



Halaman ini boleh digunakan
sebagai penanda halaman



2024-2025

TAIWAN

Sepintas Lalu

Diterbitkan oleh Kementerian Luar Negeri
ROC Taiwan



2024-2025

TAIWAN Sepintas Lalu

Diterbitkan oleh Kementerian Luar Negeri,
Republik China (Taiwan)
No. 2, Ketagalan Blvd., Taipei City 100202, ROC (Taiwan)
<http://www.mofa.gov.tw>

Penyunting: Wendy Chang, Yu-Hsin Chang, Torie Gervais,
Clare Lear, Kai Genack
Pereka Grafik dan Reka Bentuk: Chin-an Chiang

Pengedar: Taiwan Panorama Magazine
No. 2, Aiguo West Road, Taipei City 100209, ROC (Taiwan)
Tel: (+886)-2-2397-0633
<http://www.taiwan-panorama.com>

Dicetak oleh China Color Printing Co., Inc.
229 Baoqiao Road, New Taipei City 231029, ROC (Taiwan)

No. Kad Katalog: MOFA-MA-BL-113-059-I-1
GPN: 1011400157
ISBN: 978-986-5447-89-2
Edisi pertama, C11 Mac 2025
Dicetak di Taiwan
Harga: NT\$70 US\$2

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mencetak semula mana-mana bahagian
atau keseluruhan buku ini tanpa keizinan bertulis daripada pemegang hak cipta.
Agensi untuk dihubungi: Kementerian Luar Negeri, Republik China (Taiwan).
Tel: (+886)-2-3343-2712



Fakta Ringkas Mengenai Taiwan

Nama Rasmi	Republik China (Taiwan)
Bendera Kebangsaan	
Bunga Kebangsaan	Bunga Plum
Keluasan (Taiwan dan pulau-pulau di sekitarnya)	36,197 kilometer persegi
Jumlah penduduk	23.4 juta (Jun 2024)
Etnik	Lebih 95 peratus ialah bangsa Han, 2.5 peratus kaum Peribumi Melayu-Polinesia, 2.5 peratus pendatang baharu, terutamanya dari China dan Asia Tenggara

Kerajaan	Demokrasi pelbagai parti
Presiden	Lai Ching-te
Ibu Negara	Bandar Taipei
Kawasan perbandaran khas	Bandar Taipei, Taipei Baru, Taoyuan, Taichung, Tainan, Kaohsiung
Mata Wang	Dolar Taiwan Baru (NT\$ atau TWD)
Bahasa	Mandarin (Cina), Taigi, Hakka, bahasa Peribumi Taiwan
Agama utama	Agama Buddha, Taoisme, Kristian, I-Kuan Tao



Kandungan

01	Muka Bumi dan Iklim	8
02	Penduduk	14
03	Sejarah	18
04	Sistem Politik	30
05	Hal Ehwal Luar Negeri	38
06	Hubungan Rentas Selat	50
07	Ekonomi	56
08	Sains dan Teknologi	66
09	Pendidikan	72
10	Kebudayaan	76
11	Media Massa	80
12	Melawat Taiwan	84



(Chen Mei-ling)

Muka Bumi dan Iklim

01

Fakta Penting

Gunung Jade di Taiwan merupakan gunung tertinggi di Asia Timur.

Kira-kira 20 peratus daripada tanah negara ini diwartakan sebagai kawasan terlindung.

Negara ini terletak di rantau Pasifik Barat, di antara Jepun dengan Filipina. Jajahannya yang luas menjangkau Kepulauan Penghu, Kinmen dan Matsu, serta ratusan pulau kecil yang lain. Keluasan Taiwan dan pulau-pulau di sekitarnya adalah kira-kira 36,197 kilometer persegi. Dengan saiz sebesar Belanda tetapi bilangan penduduk kira-kira 23 juta, Taiwan mempunyai lebih ramai penduduk berbanding tiga perempat negara di dunia.


Pemandangan laut dan formasi geologi yang dibentuk oleh alam semula jadi di Taman Pulau Heping, Bandar Keelung, bahagian utara Taiwan (Kent Chuang)



Taiwan mempunyai lebih kemegahan semula jadi yang sepatutnya. Kebanyakan puncak gunungnya melebihi 3,000 meter - termasuk gunung tertinggi di Asia Timur, Gunung Jade (Yushan) - manakala kaki gunung yang diliputi hutan pula meliputi lebih daripada separuh kawasannya. Pulau ini juga mempunyai gunung berapi, dataran tinggi, dataran pinggir laut dan lembangan. Kepulauan Diaoyutai yang terletak di timur laut Taiwan dan beberapa pulau di Laut China Selatan, termasuk Kepulauan Dongsha (Pratas),

Fakta Ringkas

Keluasan tanah: **36,197** kilometer persegi



Taiwan mempunyai beraneka jenis flora dan fauna seperti subspesies endemik ini, marten Formosa berleher kuning. (Kent Chuang)

Nansha (Spratly), Xisha (Paracel) dan Zhongsha (Tebing Macclesfield), juga merupakan sebahagian daripada wilayah Taiwan.

Dengan kedudukannya di laluan arus lautan panas di pantai timur benua Asia, Taiwan mempunyai beraneka zon iklim, daripada zon tropika hingga zon iklim sederhana. Kepelbagaian iklim berserta tanah yang subur dan taburan hujan yang tinggi menjadikan Taiwan syurga pertanian kerana hampir semua jenis buah-buahan dan sayuran boleh ditanam di sini. Hal ini juga menjadikan pulau ini taman rekreasi yang mengasyikkan.

Pada musim sejuk, pengunjung berpeluang menyaksikan pemandangan hujan salji yang indah di lereng Gunung Hehuan di Wilayah Nantou sebelum meneruskan perjalanan hanya 200 kilometer jauhnya ke Wilayah Pingtung yang nyaman untuk menyelam skuba di terumbu karang sepanjang hujung bahagian selatan pulau ini.

Sementara itu, pulau-pulau yang lebih kecil pula mempunyai ciri semula jadi yang unik, seperti tiang basalt di Kepulauan Penghu dan kolam air panas laut di sepanjang pantai Pulau Hijau dan Pulau Guishan.

Flora dan Fauna


Zon iklim Taiwan yang berspektrum luas daripada zon tropika hingga zon iklim sederhana dan kepelbagaian topografinya menyumbang kepada kekayaan flora dan fauna yang beraneka jenis di pulau ini. Lebih kurang 123 spesies mamalia, 758 spesies burung, 117 spesies reptilia, 43 spesies amfibia, 404 spesies rama-rama dan 2,975 spesies ikan dikenal pasti mendiami Taiwan. Tumbuh-tumbuhan di pulau ini pula terdiri daripada 790 spesies paku-pakis, 5,718 spesies angiosperma dan 108 spesies gimnosperma. Bagi melindungi ekosistem yang menampung habitat tumbuhan dan haiwan ini, pihak kerajaan telahewartakan lebih kurang 20 peratus daripada keluasan negara sebagai kawasan terlindung, termasuk sembilan taman negara dan satu taman alam negara, 22 rizab semula jadi untuk ekosistem khas, 6 kawasan hutan simpan, 21 kawasan perlindungan hidupan liar dan 39 habitat utama hidupan liar.

Ikan salmon darat Formosa (*Oncorhynchus masou formosanus*) adalah salah satu spesies fauna yang paling terkenal di Taiwan. Ikan ini dipercayai terperangkap di dalam air gunung yang dingin di kawasan tengah Taiwan semasa zaman air batu akhir apabila paras laut turun secara mendadak, menyebabkan salmon ini tidak dapat lagi berulang-alik di antara air tawar dengan air masin. Untuk melindungi spesies ikan terancam ini, Pusat Perlindungan Ikan Salmon Darat Formosa telah ditubuhkan di hulu Sungai Dajia, Taman Negara Shei-Pa.

Taman-Taman Negara




Kinmen



Penghu Selatan



Atol Dongsha





Penduduk

02

Fakta Penting

Terdapat 16 suku kaum Peribumi yang diiktiraf secara rasmi di Taiwan.

Negara ini juga didiami oleh lebih 590,000 pendatang baharu, kebanyakannya berasal dari China dan Asia Tenggara.

Taiwan sering digambarkan sebagai sebuah negara yang didominasi oleh masyarakat Cina Han kerana lebih 95 peratus penduduknya mendakwa mereka berasal daripada bangsa Han. Namun hakikatnya, salasilah keturunan penduduk Taiwan ternyata lebih kompleks. Kemasukan pendatang Cina secara besar-besaran bermula pada kurun ke-17 dan membawa masuk pelbagai kaum etnik dengan bahasa dan budaya

yang berbeza. Sejajar dengan peredaran masa, perbezaan antara kaum-kaum tersebut kian kabur dalam generasi masa kini disebabkan perkahwinan campur dan penggunaan bahasa Mandarin secara meluas. Masyarakat Taiwan yang berbilang budaya terdiri daripada pelbagai suku kaum Han, suku kaum Peribumi Melayu-Polinesia dan juga pendatang dari seluruh pelosok dunia. Sebagai contoh, tahun-tahun kebelakangan ini menyaksikan ketibaan ramai pendatang baharu dari China dan Asia Tenggara, kebanyakannya melalui perkahwinan. Menurut statistik terkini, bilangan pendatang baharu di Taiwan telah mencecah 590,000 orang.

Kebelakangan ini, terdapat kesedaran yang lebih tinggi di Taiwan untuk mengetengahkan warisan budaya 16 etnik berbahasa Austronesia yang diiktiraf secara rasmi. Kumpulan minoriti ini merangkumi hampir 2.5 peratus jumlah penduduk. Organisasi awam dan swasta giat menganjurkan pelbagai inisiatif untuk menghidupkan semula bahasa dan budaya mereka, hal ini boleh dilihat melalui pelancaran Rangkaian Televisyen Peribumi Taiwan dan kelulusan Akta Asas Kaum Peribumi.

Penyepaduan dan diversiti etnik di Taiwan telah membentuk sebuah masyarakat yang lebih terbuka dan memandang ke hadapan, dengan menggabungkan pelbagai unsur tamadun dari seluruh dunia melalui cara yang tersendiri dan penuh harmoni.

Fakta Ringkas

Jumlah Penduduk: **23,412,899** (Jun 2024)



Struktur populasi:

- 0-17 tahun: 14.64%
- 18-64 tahun: 67.44%
- 65 tahun ke atas: 17.92%



Etnik:

- Cina Han: 95%
- Kaum Peribumi: 2.5%
- Pendatang baharu: 2.5%

Kadar kelahiran kasar (2023): **5.81** (setiap 1,000 orang)

Kadar kematian kasar (2023): **8.8** (setiap 1,000 orang)

Jangka hayat (2023): **80.23** tahun



Lelaki:

76.94 tahun



Perempuan:

83.74 tahun



Sejarah 03

Fakta Penting

Orang Belanda dan Sepanyol telah membina petempatan di Taiwan pada awal kurun ke-17.

Kira-kira 1.2 juta orang telah berpindah dari China ke Taiwan bersama dengan kerajaan Republik China pada lewat tahun 1940-an hingga awal tahun 1950-an.

Republik China diasaskan di negara China pada tahun 1912. Ketika itu, Taiwan berada di bawah pemerintahan penjajah Jepun susulan Perjanjian Shimonoseki 1895 yang menyaksikan penyerahan Taiwan kepada Jepun oleh kerajaan Qing. Kerajaan Republik China mula mentadbir Taiwan pada tahun 1945 selepas Jepun menyerah kalah apabila Perang Dunia Kedua berakhir.

Kerajaan Republik China berpindah ke Taiwan pada tahun 1949 semasa Perang Saudara dengan Parti Komunis China.

Tainan, bandar tertua di Taiwan, meraikan ulang tahunnya yang ke-400 pada 2024. (Pang Chia-shan)



Sejak dari itu, Republik China (Taiwan) terus mengekalkan kedaulatan pentadbirannya ke atas pulau utama Taiwan dan beberapa pulau di sekitarnya. Peristiwa ini telah mengasingkan Taiwan dan China di bawah dua pemerintahan yang berbeza. Republik Rakyat China tidak pernah melaksanakan bidang kuasanya ke atas Taiwan atau pulau-pulau lain yang ditadbir oleh Republik China (Taiwan).

Garis Masa Sejarah

Garis masa berikut terfokus pada sejarah Taiwan yang direkodkan kira-kira 400 tahun lalu, walaupun negara ini telah didiami oleh kaum Melayu-Polinesia selama beribu-ribu tahun lamanya.

1500-an Pelayar-pelayar Eropah yang melalui Taiwan dipercayai telah merekodkan nama pulau ini sebagai Ilha Formosa, yang bermaksud pulau indah.

Taiwan terus dikunjungi oleh kumpulan kecil pedagang Cina, nelayan dan lanun.

1624 Syarikat Hindia Timur Belanda menubuhkan pangkalan di barat daya Taiwan, seterusnya membawa pembaharuan dalam amalan pertanian masyarakat Peribumi dan mengupah buruh Cina untuk bekerja di sawah padi dan ladang tebu.

1626 Pengembara Sepanyol menubuhkan pangkalan di utara Taiwan, tetapi diusir oleh orang Belanda pada tahun 1642.

1662 Pengikut setia Ming di bawah pimpinan Zheng Cheng-gong, atau Koxinga, yang melarikan diri

daripada penaklukan dinasti Ming (1368-1644) oleh Manchuria telah menghalau orang Belanda dari Taiwan dan mengambil alih kuasa pemerintahan di pulau tersebut.

1683 Tentera dinasti Qing (1644-1912) menguasai kawasan pantai barat dan pantai utara Taiwan.

1885 Taiwan diisytiharkan sebagai wilayah Empayar Qing.

1895 Berikutan kekalahan dalam Perang Sino-Jepun Pertama (1894-1895), kerajaan Qing menandatangani Perjanjian Shimonoseki dan menyerahkan pemerintahan Taiwan kepada Jepun yang terus berkuasa sehingga tahun 1945.

1911- Tentera revolusi China menggulingkan Empayar
1912 Qing dan menubuhkan Republik China.

1943 Semasa Perang Dunia Kedua, pemimpin Republik China, Chiang Kai-shek telah bermesyuarat dengan Presiden Amerika Syarikat, Franklin Roosevelt dan Perdana Menteri Britain, Winston Churchill di Kaherah. Hasilnya, Perisytiharan Kaherah telah diluluskan dengan menyatakan bahawa "... Formosa [Taiwan] dan Pescadores [Kepulauan Penghu] hendaklah dipulangkan kepada Republik China..."

1945 Republik China, United Kingdom dan Amerika Syarikat sepakat mengeluarkan Perisytiharan Potsdam yang menggesa Jepun menyerah kalah tanpa syarat dan menegaskan bahawa kandungan Perisytiharan Kaherah mesti dilaksanakan.

Selepas Perang Dunia Kedua, wakil kerajaan Republik China menerima penyerahan kalah tentera Jepun di Taiwan. Chen Yi selaku Ketua Eksekutif Wilayah Taiwan menghantar satu memorandum kepada gabenor jeneral Jepun di Taiwan. Antara lainnya, memorandum itu menyatakan bahawa "Sebagai Ketua Eksekutif Wilayah Taiwan Republik China, ...saya mengambil alih semua kemudahan dan aset sah yang berkaitan dengan wilayah, rakyat, pentadbiran, politik, ekonomi dan kebudayaan Taiwan (termasuk Kepulauan Penghu)."

1947 Perlembagaan Republik China diisytiharkan pada 1 Januari dan diadualkan berkuat kuasa pada 25 Disember. Pada bulan Mac dan bulan-bulan berikutnya, tentera Republik China yang dihantar dari China telah berjaya menewaskan pemberontakan besar-besaran penduduk Taiwan yang berlaku susulan Peristiwa 228 (28 Februari).

1948 Apabila perang saudara besar-besaran berlaku di China antara kerajaan Republik China pimpinan Kuomintang dengan Parti Komunis China, Peruntukan Sementara Dalam Tempoh Mobilisasi Negara Bagi Menewaskan Pemberontakan Komunis telah digubal. Peruntukan ini mengatasi Perlembagaan Republik China dan melebarkan kuasa presiden dengan lebih meluas. Dengan itu bermulanya era Keganasan Putih (White Terror) yang berlanjutan sehingga tahun 1991 apabila Peruntukan Sementara tersebut ditarik balik.

1949 Kerajaan Republik China berpindah ke Taiwan, diikuti dengan perpindahan 1.2 juta rakyat China ke Taiwan.

Pada 25 Oktober, Pertempuran Kuningtou meletus di Kinmen, dengan angkatan tentera Republik China berjaya menewaskan Parti Komunis China di pantai barat laut pulau tersebut.

Undang-undang tentera diisytiharkan di Taiwan dan terus berkuat kuasa sehingga tahun 1987.

1952 Selepas Perjanjian Keamanan San Francisco 1951 dengan Jepun ditandatangani oleh 48 negara bersekutu bagi pihak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Perjanjian Keamanan ditandatangani antara Republik China dengan Jepun di Taipei Guest House, dengan ini menamatkan perang antara kedua-dua pihak tersebut secara rasmi. Menurut Fasal 2 dalam Perjanjian San Francisco, Jepun telah melepaskan semua hak, pemilikan dan tuntutan terhadap Taiwan (Formosa), Kepulauan Penghu (the Pescadores), Kepulauan Spratly dan Kepulauan Paracel. Semua perjanjian, perisytiharan dan persetujuan sebelum 9 Disember 1941 antara China dengan Jepun menjadi tidak sah dan terbatal.

1954 Perjanjian Pertahanan Bersama Republik China-Amerika Syarikat ditandatangani di Washington.

1958 23 Ogos menandakan bermulanya pertempuran rejimen meriam antara garison Republik China di Pulau Kinmen dengan tentera China yang berterusan selama lebih 40 hari.

1966 Zon Pemprosesan Eksport yang pertama dibina di Bandar Kaohsiung, bahagian selatan Taiwan. Pembinaan zon tersebut menggerakkan Taiwan ke

arah status negara maju, seterusnya menetapkan paradigma untuk diikuti oleh negara-negara lain.

1968 Sistem pendidikan wajib selama sembilan tahun dilancarkan sementara kurang daripada sembilan negara di seluruh dunia mempunyai sistem pendidikan wajib yang sama atau lebih panjang daripada tempoh ini.

1971 Pada 25 Oktober, Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu meluluskan Resolusi Bangsa-Bangsa Bersatu 2758 yang mengiktiraf Republik Rakyat China (PRC) sebagai satu-satunya wakil China yang sah kepada badan global. Republik China menarik diri daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

1979 Para aktivis demokrasi yang mengadakan demonstrasi di bandar Kaohsiung diberkas dan dipenjarakan berikutan peristiwa yang dikenali sebagai Insiden Kaohsiung, yang akhirnya membawa kepada penubuhan dan pembentukan Parti Progresif Demokratik (DPP) pada tahun 1986.

1987 Undang-undang tentera, yang berkuat kuasa sejak 1949 ditamatkan. Larangan pembentukan parti politik baharu dan penerbitan berita telah dimansuhkan. Proses demokrasi giat diteruskan. Pergerakan penduduk merentasi selat kini bermula.

1991 Peruntukan Sementara Dalam Tempoh Mobilisasi Negara Bagi Menewaskan Pemberontakan Komunis dihapuskan. Pilihan raya yang menyeluruh untuk semua wakil kongres, termasuk ahli Dewan Perundangan dan Perhimpunan Kebangsaan, diadakan semula dari tahun 1991 hingga 1992,

memberikan rakyat Taiwan perwakilan penuh. Bermula dari tahun 1991 sehingga 2005, Perlembagaan Republik China (Taiwan) telah dipinda sebanyak tujuh kali.

Taiwan menjadi ahli Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik.

1992 Wakil-wakil kerajaan dari seberang Selat Taiwan mengadakan perjumpaan buat pertama kali di Hong Kong dan berjaya mencapai persetujuan serta persefahaman dalam pelbagai isu selepas beberapa sesi komunikasi dan rundingan.

1995 Program Insurans Kesihatan Kebangsaan bermula. Akta Pelupusan dan Pampasan Peristiwa 228 mula berkuat kuasa.

1996 Republik China (Taiwan) mengadakan pilihan raya presiden yang pertama, diakhiri dengan Lee Teng-hui daripada parti KMT dan calon timbalannya Lien Chan menang dengan majoriti undi 54 peratus.

2000 Chen Shui-bian dan Annette Lu Hsiu-lien daripada DPP dipilih sebagai presiden dan naib presiden, dengan ini mengambil alih tampuk kepimpinan negara daripada parti KMT yang telah memerintah selama lebih 50 tahun. Peristiwa ini juga menandakan pemindahan kuasa eksekutif kerajaan Republik China (Taiwan) di Taiwan buat pertama kali antara parti-parti politik.

2002 Taiwan menjadi ahli Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Dua undang-undang pertahanan negara berdasarkan prinsip penyatuan penggubalan dasar dan perintah ketenteraan dikuatkuasakan secara

rasmi pada 1 Mac. Jawatankuasa rendah baharu Kementerian Pertahanan Negara ditubuhkan dan diatur dengan peraturan-peraturan untuk menjalankan tugas "nasionalisasi angkatan tentera."

2003 Dewan Perundangan meluluskan Akta Referendum yang memberikan hak di sisi undang-undang kepada rakyat untuk mengundi secara langsung dalam isu-isu yang melibatkan kepentingan setempat atau negara.

2004 Referendum negara yang pertama diadakan sempena pilihan raya presiden ketiga, diakhiri dengan Chen dan Lu dipilih semula.

2005 Dewan Perundangan meluluskan pakej pindaan perlembagaan dengan mengurangkan separuh kerusi dewan daripada 225 kepada 113 kerusi dan memperkenalkan sistem "satu daerah, dua undi" untuk pilihan raya perundangan.

2008 Ma Ying-jeou dan Vincent C. Siew daripada parti KMT memenangi pilihan raya sebagai presiden dan naib presiden, menandakan pemindahan kuasa eksekutif kerajaan Republik China (Taiwan) buat kedua kalinya antara parti-parti politik.

2009 Taiwan menghadiri Perhimpunan Kesihatan Sedunia sebagai pemerhati. Penyertaan ini adalah penyertaannya yang pertama kali dalam aktiviti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sejak ia menarik diri pada tahun 1971.

Presiden Ma menandatangani surat pengesahan Perjanjian Antarabangsa Hak-hak Sipil dan Politik serta Perjanjian Antarabangsa Hak-hak Ekonomi, Sosial dan Budaya.

2010 Republik China (Taiwan) menandatangani Perjanjian Rangka Kerja Mengenai Kerjasama Ekonomi Rentas Selat dengan China untuk menyelaraskan hubungan ekonomi dan perdagangan merentasi Selat Taiwan.

2011 Taiwan merayakan ulang tahun Republik China ke-100.

2012 Penyanggah presiden Ma Ying-jeou dan calon timbalannya yang baharu Wu Den-yih daripada parti KMT memenangi pilihan raya pemilihan presiden dan naib presiden.

2013 Taiwan menandatangani perjanjian kerjasama ekonomi dengan New Zealand dan perjanjian perkongsian ekonomi dengan Singapura.

Taiwan menghadiri perhimpunan ke-38 Persatuan Penerbangan Awam Antarabangsa sebagai tetamu kepada presiden majlis.

2014 Menteri Majlis Hal Ehwal Tanah Besar China, Wang Yu-chi, mengadakan pertemuan rasmi dengan Pengarah Pejabat Hal Ehwal Taiwan China, Zhang Zhijun, pada bulan Februari di Nanjing. Peristiwa ini menandakan hubungan rasmi yang pertama antara kedua-dua ketua agensi kerajaan yang bertanggungjawab menguruskan hubungan rentas selat.

Penunjuk perasaan Pergerakan Sunflower menduduki Dewan Perundangan untuk menentang dan menghalang kelulusan Perjanjian Perdagangan Perkhidmatan Rentas-Selat.

Seramai 11,130 calon dipilih di seluruh negara dalam sembilan kategori wakil kerajaan tempatan melalui pilihan raya tempatan "sembilan-dalam-satu".

2015 Presiden Ma dan pemimpin China, Xi Jinping, bertemu di Singapura pada bulan November. Peristiwa ini menandakan pertemuan pemimpin peringkat atasan yang pertama antara kedua-dua pihak dalam tempoh 66 tahun.

Taiwan menandatangani Perjanjian Fasilitasi Perdagangan WTO dan menghantar instrumen penerimaannya kepada organisasi tersebut.

2016 Pengerusi DPP Tsai Ing-wen dan calon akademik Chen Chien-jen dipilih sebagai presiden dan naib presiden Republik China (Taiwan).

DPP menguasai majoriti dalam Parlimen buat pertama kali setelah berjaya memenangi 68 daripada 113 kerusi.

Presiden Tsai Ing-wen memohon maaf secara rasmi bagi pihak kerajaan kepada masyarakat Peribumi Taiwan atas kesengsaraan dan ketidakadilan yang mereka lalui sejak berkurun-kurun dahulu.

2017 Akta Pembangunan Bahasa Peribumi digubal untuk memulihara dan mempromosikan bahasa ibunda 16 kaum Peribumi yang diiktiraf secara rasmi di Taiwan.

Taiwan menjadi tuan rumah bagi Universiade Musim Panas Taipei 2017.

FORMOSAT-5, satelit pemerhatian Bumi resolusi ultra tinggi pertama buatan negara ini, telah dilancarkan.

2018 Suruhanjaya Keadilan Peralihan Taiwan dirasmikan pada 31 Mei. Presiden Tsai memohon maaf kepada mangsa penganiayaan politik semasa era Keganasan Putih (White Terror) di

Taiwan yang bermula dari tahun 1949 hingga 1991 berikutan keputusan Suruhanjaya untuk memadamkan rekod jenayah mereka.

2019 Undang-undang khas yang membenarkan perkahwinan sejenis di sisi undang-undang telah diluluskan, menjadikan Taiwan negara pertama di Asia yang membenarkan Kesatuan LGBTQ+ (Lesbian, Gay, Biseksual, Transgender dan Pelik).

2020 Penyanggah presiden Tsai Ing-wen dan calon timbalannya Lai Ching-te daripada parti DPP memenangi pilihan raya presiden 2020. DPP mengekalkan majoriti dalam Parlimen.

2022 MND menubuhkan Agensi Mobilisasi Pertahanan Menyeluruh pada 1 Januari bagi tujuan menggunakan rizab tentera dan memberikan bantuan untuk semua aktiviti dan hal ehwal yang berkaitan.

Kementerian Hal Ehwal Digital ditubuhkan pada 27 Ogos untuk memudahkan pembangunan industri berkaitan serta menyelaraskan perancangan tadbir urus digital dan infrastruktur secara menyeluruh.

2024 Lai Ching-te dan Hsiao Bi-khim dari DPP telah dipilih sebagai presiden dan naib presiden Republik China (Taiwan). Ini merupakan kali pertama sebuah parti memegang jawatan presiden dan naib presiden selama tiga penggal berturut-turut sejak Taiwan memulakan pilihan raya presiden secara langsung pada 1996.

Sistem Politik

04

Fakta Penting

Presiden dan naib presiden Republik China (Taiwan) dipilih secara langsung setiap empat tahun.

Dalam pilihan raya perundangan Taiwan, setiap pengundi membuang satu undi untuk daerah mereka dan satu lagi untuk kerusi umum.

Perlembagaan negara ini, yang berkuat kuasa pada 1 Januari 1947, tidak menyempurnakan peranannya sebagai asas pemerintahan demokratik dan kedaulatan undang-undang sehingga tahun 1987 apabila undang-undang tentera dimansuhkan di Taiwan. Sejak itu, perlembagaan telah dipinda sebanyak tujuh kali pada tahun 1991, 1992, 1994, 1997, 1999, 2000 dan 2005 supaya ia lebih relevan dengan situasi kontemporari negara ini.

Lai Ching-te, kiri, dan Hsiao Bi-khim dari Parti Progresif Demokratik dipilih sebagai presiden dan naib presiden ROC (Taiwan). (Ihsan Pejabat Presiden)



Lima Cabang Kerajaan Pusat



Dewan Eksekutif

Merangka dan melaksanakan dasar



Dewan Perundangan

Mengkaji semula dan menggubal undang-undang, mengadakan sidang untuk membahaskan usul dasar, menyemak anggaran belanjawan dan operasi kerajaan



Dewan Penilaian

Menguruskan sistem perkhidmatan awam



Dewan Kehakiman

Menyelia sistem mahkamah negara



Dewan Kawal Selia

Mendakwa dan menghukum pegawai kerajaan, mengaudit agensi-agensi kerajaan


Salah satu impak utama daripada pindaan ini ialah sejak tahun 1991, pihak kerajaan telah mengiktiraf bahawa bidang kuasanya hanya meliputi kawasan di bawah kawalannya. Oleh itu, presiden dan ahli dewan undangan akan dipilih oleh dan bertanggungjawab terhadap penduduk di kawasan terbabit sahaja.

Selaras dengan pindaan perlembagaan yang diisytiharkan pada bulan Jun 2005, bilangan kerusi di Dewan Perundangan telah dikurangkan menjadi separuh, iaitu daripada 225 kepada 113, manakala tempoh jawatan ahli dewan undangan telah ditambah daripada tiga tahun kepada empat tahun. Menurut sistem pilihan raya ahli dewan undangan yang baharu, setiap daerah pilihan raya boleh memilih hanya satu kerusi. Setiap pengundi membuang dua undi—satu untuk daerah dan satu lagi untuk kerusi umum. Kuasa untuk meratifikasi pindaan perlembagaan kini dilaksanakan oleh rakyat melalui referendum.

Peringkat Kerajaan

Kerajaan pusat terdiri daripada presiden dan lima cabang utama, atau Dewan (yuan). Pada masa ini, kerajaan tempatan merangkumi enam perbandaran khas, 13 wilayah, dan tiga perbandaran berautonomi dengan status hierarki yang sama dengan wilayah. Sejak tahun 2014, semua ketua dan wakil kerajaan tempatan dipilih secara serentak di bandar dan wilayah di seluruh Taiwan setiap empat tahun. Selain itu, terdapat 198 pekan dan bandar yang ditadbir oleh wilayah, serta 170 daerah—termasuk enam daerah pergunungan yang didiami oleh penduduk Peribumi—di perbandaran berautonomi dan khas.

Kawasan Pentadbiran Tempatan



Perbandaran khas ialah entiti pentadbiran peringkat atasan yang berada di bawah bidang kuasa langsung kerajaan pusat. Ia memainkan peranan penting dalam menerajui pembangunan serantau. Status ini memberikannya akses kepada pembiayaan yang

lebih besar, peluang penubuhan agensi tambahan dan pengambilan lebih ramai penjawat awam. Enam perbandaran khas tersebut, yang disusun mengikut bilangan penduduk, ialah Bandar Taipei Baru, Taichung, Kaohsiung, Taipei, Taoyuan dan Tainan.

Presiden dan Perdana Menteri

Presiden dan naib presiden dipilih secara langsung, berkhidmat selama satu penggal (empat tahun) dan boleh dipilih semula untuk satu penggal lagi. Presiden ialah ketua negara dan pemerintah tertinggi angkatan bersenjata, mewakili negara dalam hubungan luar negeri dan diberi kuasa untuk melantik ketua bagi empat cabang kerajaan, termasuk Perdana Menteri yang berperanan mengetuai Dewan Eksekutif (Kabinet) dan bertanggungjawab menghantar laporan secara tetap kepada Dewan Perundangan (Badan Perundangan). Ketua-ketua kementerian, suruhanjaya dan agensi di bawah Dewan Eksekutif dilantik oleh Perdana Menteri dan membentuk Majlis Dewan Eksekutif. Untuk meningkatkan keberkesanan pentadbiran, Dewan Eksekutif telah disusun semula bagi mengurangkan bilangan organisasi Kabinet daripada 37 kepada 30.

Selepas penyusunan semula yang bermula pada awal tahun 2012, Dewan Eksekutif merangkumi 14 kementerian, 9 majlis, 3 agensi bebas dan 4 organisasi lain. Di bawah Perlembagaan Republik China (Taiwan), pelantikan Perdana Menteri oleh Presiden mahupun pelantikan menteri-menteri utama oleh Perdana Menteri tidak memerlukan pengesahan dewan perundangan.

Pelantikan ahli Dewan Kawal Selia dan Dewan Penilaian, serta hakim bagi Dewan Kehakiman oleh Presiden, mesti disahkan oleh Dewan Perundangan. Ahli Dewan Perundangan akan melantik Ketua Dewan, atau speaker, dalam kalangan mereka sendiri.

Parti Politik

Presiden memainkan peranan utama dalam operasi keseluruhan kerajaan Republik China. Istilah “parti pemerintah” pula merujuk kepada parti politik yang menduduki Pejabat Presiden. Wakil Parti Kuomintang (KMT) memegang jawatan presiden di Taiwan selama lebih lima dekad sebelum Parti Progresif Demokratik (DPP) memenangi pilihan raya presiden pada tahun 2000 dan 2004. KMT berjaya merebut kembali tampuk pemerintahan pada tahun 2008 dan 2012. DPP memenangi pilihan raya presiden tahun 2016, 2020 dan 2024, inilah kali pertama sesebuah parti kekal berkuasa selama tiga penggal berturut-turut sejak demokrasi dilaksanakan di negara ini.

Dalam pilihan raya parlimen pada Januari 2024, KMT memenangi 52 daripada 113 kerusi, manakala DPP memenangi 51 kerusi, Parti Rakyat Taiwan (TPP) memperoleh 8 kerusi dan calon bebas pula memperoleh 2 kerusi.

Hal Ehwal Luar Negeri

Fakta Penting

Sejumlah 166 negara dan wilayah memberikan kemudahan tanpa visa, visa pendaratan atau e-visa kepada pemegang pasport Republik China (Taiwan).

Taiwan satu-satunya negara dalam Program Pengecualian Visa AS yang tidak mempunyai hubungan diplomatik rasmi dengan AS (Amerika Syarikat).

Republik China (Taiwan) sebuah negara berdaulat dan merdeka yang memiliki angkatan pertahanan negara sendiri dan mengendalikan hal ehwal luarnya sendiri. Sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan, Republik China (Taiwan) berhasrat untuk “memupuk hubungan kejiiran yang baik dengan negara-negara lain, menghormati perjanjian dan Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu ... menggalakkan kerjasama antarabangsa, meningkatkan keadilan antarabangsa dan



Presiden Lai, kanan, bertemu dengan Presiden Santiago Peña Palacios dari Paraguay. (Ihsan Pejabat Presiden)

menjaga keamanan dunia.” Objektif utama dasar luar negerinya adalah untuk mengekalkan persekitaran yang memberangsangkan demi pemuliharaan negara dan pembangunan jangka panjang.

Berdasarkan asas diplomasi yang teguh, Taiwan mengamalkan pendekatan diplomasi bersepadu tiga dalam satu: untuk memperdalam hubungan dengan negara yang berpandangan serupa melalui diplomasi berasaskan nilai, untuk mengukuhkan keselamatan serantau melalui diplomasi bersekutu dalam kedua-dua rangka kerja dua hala dan pelbagai hala, dan untuk mengembangkan diplomasi ekonomi berdasarkan prestasi perindustrian dan ekonomi Taiwan yang cemerlang.

Melalui Dasar Baharu Pandang ke Selatan, Taiwan berusaha memperluas pertukaran dengan 10 negara ASEAN, 6 negara Asia Selatan, Australia dan New Zealand dalam hal kerjasama ekonomi dan perdagangan, perkembangan bakat, perkongsian sumber dan hubungan antara wilayah. Matlamat jangka panjang adalah untuk membina kerjasama baharu yang berteraskan kepentingan bersama.

Republik China (Taiwan) mempunyai hubungan rasmi dengan sekutu diplomatik dan hubungan rapat dengan banyak negara seperti Australia, Kanada, Jepun, New Zealand, United Kingdom, Amerika Syarikat, dan Kesatuan Eropah dan negara-negara anggotanya.

Penyertaan Antarabangsa

Taiwan menjadi ahli tetap dalam 45 organisasi antara kerajaan (IGO) dan badan-badan subsidiarinya, termasuk

Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC), Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia dan Bank Pusat Amerika untuk Integrasi Ekonomi (CABEI). Taiwan juga mempunyai status pemerhati atau selainnya dalam 29 IGO dan badan-badan subsidiarinya, termasuk Bank Eropah untuk Pembinaan Semula dan Pembangunan (EBRD) serta jawatankuasa untuk kedua-dua Organisasi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) dan Sistem Integrasi Amerika Tengah. Lantaran pasaran modal Taiwan yang kukuh dan kedudukannya yang penting di Asia, Bank Pusat Amerika untuk Integrasi Ekonomi (CABEI) membuka sebuah pejabat di Taiwan pada 6 Julai 2021, menjadikannya cawangan baharu pertama yang dibuka di luar Amerika Tengah dan memperdalam penyertaan Taiwan dalam integrasi serantau di luar Indo-Pasifik.

Dasar Baharu Pandang ke Selatan





Menteri Lin Chia-lung menganjurkan Majlis Perasmian Program Pengajian Elit Dasar Baharu Pandang ke Selatan 2024. (Chin Hung-hao)

Sementara mempertahankan kedaulatan dan maruah negara serta mempertingkatkan kebajikan rakyatnya, Taiwan juga akan melibatkan diri dan menyumbang dalam komuniti antarabangsa secara pragmatik dan profesional. Demi tujuan ini, Taiwan bergiat dalam sistem PBB bersama-sama dengan organisasi antara kerajaan dan mekanisme lain seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO), Persidangan Rangka Kerja PBB Tentang Perubahan Iklim dan Pertubuhan Polis Jenayah Antarabangsa (Interpol) untuk melindungi dan menyumbang kepada kemanusiaan dan kebajikan semua insan. Pendekatan terbuka Taiwan ini telah mendapat sokongan padu daripada sekutu diplomatik dan negara-negara lain yang berpandangan serupa.

Hubungan Mantap

Sehingga 30 Jun 2024, 166 negara dan wilayah telah memberikan kemudahan tanpa visa, visa pendaratan atau e-visa kepada pemegang pasport Republik China (Taiwan). Taiwan juga telah menandatangani perjanjian visa melancong sambil bekerja dengan 18 negara.

Antara 40 negara dalam Program Pengecualian Visa AS, Taiwan satu-satunya negara yang tidak mempunyai hubungan diplomatik rasmi dengan AS. Hal ini menunjukkan hubungan kepercayaan yang rapat antara kedua-dua pihak. Akta Perhubungan Taiwan yang diluluskan oleh Kongres AS pada 1979 terus memberikan asas kukuh terhadap kerjasama Taiwan-AS tanpa hubungan diplomatik rasmi. Pihak AS telah berulang kali membaharui komitmen keselamatannya dengan Taiwan di bawah TRA dan Six Assurances. Pada 2018, Akta Perjalanan Taiwan diluluskan sebulat suara oleh Kongres AS dan dimeterai oleh Presiden AS pada masa itu, Donald J. Trump. Undang-undang ini menggalakkan lawatan pegawai-pegawai semua peringkat dari kedua-dua pihak, menandakan sokongan yang kuat untuk Taiwan daripada institusi eksekutif dan perundangan kerajaan AS. Pada 2020, Akta Inisiatif Perlindungan dan Peningkatan Antarabangsa Sekutu Taiwan (Taiwan Allies International Protection and Enhancement Initiative Act atau TAIPEI Act) diluluskan oleh Kongres AS dan ditandatangani, sekali gus menzahirkan sokongan AS terhadap perikatan diplomatik Taiwan di seluruh dunia dan penyertaan Taiwan dalam organisasi antarabangsa. Dalam tahun 2021, pentadbiran Biden mengulangi komitmen AS kepada Taiwan, mengeluarkan garis panduan baharu untuk interaksi kerajaan AS dengan kaunterpart Taiwan bagi menggalakkan

penglibatan yang lebih besar. Selepas itu, Dewan Perwakilan AS menandatangani Akta Kebenaran Pertahanan Negara 2023 untuk dikuatkuasakan dan meluluskan NDAA bagi 2024. Akta ini menggabungkan dasar dan inisiatif untuk membantu Taiwan dalam meningkatkan keupayaan pertahanan diri sementara memainkan peranan penting dalam mengekalkan keselamatan serantau. Seiring dengan kerjasama yang lebih meluas antara Taiwan dengan AS, hubungan dua hala kedua-dua negara ini telah berkembang menjadi usaha sama global yang erat.

Republik China (Taiwan) dan Holy See menjalin hubungan diplomatik jangka panjang, menandakan ulang tahun ke-82 pada tahun 2024, dan mempunyai komitmen yang sama terhadap kebebasan beragama dan bantuan kemanusiaan. Selaras dengan seruan Pope Francis untuk menamatkan peperangan dan menggalakkan keamanan yang berkekalan, Taiwan telah bekerjasama dengan Holy See untuk memberikan bantuan kepada kawasan-kawasan yang terjejas oleh pencerobohan Rusia ke atas Ukraine dan menyediakan barangan keperluan kepada rakyat Ukraine yang terpengaruh. Taiwan akan terus menjadi rakan kongsi yang amat penting kepada Holy See dan negara-negara yang berpandangan serupa dalam usaha memupuk cinta, amal dan keamanan dunia.

Begitu juga, Taiwan dan Kesatuan Eropah (EU), bersama-sama dengan negara-negara Eropah yang lain telah membangunkan kerjasama erat dan pertukaran dalam pelbagai bidang. Taiwan dan EU telah mengukuhkan hubungan ekonomi dan perdagangan yang teguh dan memberangsangkan antara satu sama lain. Kerjasama kedua-dua pihak ini kian meningkat dalam isu-isu yang muncul seperti tenaga hijau, teknologi baharu, transformasi digital dan penstrukturan semula rantaian bekalan.

Taiwan dan EU juga terus mengembangkan kerjasama dalam bidang hak asasi manusia. Melalui Rundingan Hak Asasi Manusia Taiwan-EU yang diadakan setiap tahun, kedua-dua pihak giat membincangkan isu-isu kepentingan bersama termasuk kesamaan jantina, hak LGBTQ+ dan hak pekerja migran. Semasa mandat EU 2019-2024, Parlimen Eropah menerima pakai lebih daripada 40 resolusi untuk menyokong kerjasama yang lebih mendalam antara EU dengan Taiwan, menyokong penyertaan antarabangsa oleh Taiwan, dan menyatakan kebimbangan serius terhadap provokasi China di Selat Taiwan.

Taiwan dan Jepun terus menikmati hubungan yang kukuh, seperti yang ditunjukkan oleh penamaan semula pejabat perwakilan masing-masing untuk menggabungkan "Taiwan" pada tahun 2017. Oleh itu, Persatuan Hubungan Asia Timur Taiwan menjadi Persatuan Hubungan Taiwan-Jepun, dan Persatuan Pertukaran Jepun menjadi Persatuan Pertukaran Jepun-Taiwan. Dalam Buku Biru Diplomati Jepun 2024, Taiwan diklasifikasikan sebagai rakan kongsi yang sangat penting, manakala Jepun adalah penyokong yang tidak berbelah bahagi untuk penyertaan Taiwan di arena antarabangsa serta pihak yang giat menggalakkan keamanan dan kestabilan di Selat Taiwan.

Melalui sokongan bersama semasa pandemik, kedua-dua negara mengatasi cabaran dan mencipta kitaran yang mulia. Pada tahun 2021, sumbangan lebih 4.2 juta dos vaksin COVID-19 dari Jepun telah banyak menyumbang kepada peningkatan liputan vaksinasi secara keseluruhan di Taiwan. Sebagai balasan, Taiwan menyumbangkan pelitup muka, oksimeter, penjana oksigen perubatan dan peralatan perubatan lain kepada Jepun.

Hubungan perdagangan Taiwan dengan Jepun yang kukuh terbukti dalam persidangan ekonomi dan perdagangan tahunan serta jawatankuasa perkongsian ekonomi dua tahunan, yang kedua-duanya beroperasi semula pada 2022 selepas terhenti. Kedua-dua negara juga mengadakan mesyuarat tahunan mereka mengenai hal ehwal maritim pada Ogos 2024 dan meneroka peluang kerjasama yang lebih lanjut dalam penyelidikan saintifik dan keselamatan maritim.

Pada November 2015, Taiwan dan Filipina menandatangani Perjanjian Mengenai Fasilitasi Kerjasama Penguatkuasaan Undang-Undang Perikanan untuk melindungi keselamatan nelayan kedua-dua pihak.

Pada 19 Julai 2016, Presiden Tsai mengemukakan empat prinsip dan lima tindakan berkaitan dengan isu-isu Laut China Selatan. Empat prinsip: Pertama, pertikaian di Laut China Selatan harus diselesaikan dengan aman mengikut undang-undang antarabangsa dan undang-undang laut, termasuk Konvensyen PBB mengenai Hukum Laut. Kedua, Taiwan harus terlibat dalam mekanisme pelbagai hala yang bertujuan untuk menyelesaikan pertikaian. Ketiga, negara-negara terbabit berkewajipan untuk melindungi kebebasan navigasi dan laluan udara di rantau ini. Akhir sekali, pertikaian perlu diselesaikan dengan mengetepikan perbezaan dan menggalakkan pembangunan bersama. Melalui rundingan yang dijalankan berdasarkan prinsip kesaksamaan, Taiwan bersedia untuk bekerjasama dengan semua negara terbabit bagi meningkatkan keamanan dan kestabilan di Laut China Selatan, dan bersama-sama memulihara dan membangunkan sumber-sumber di rantau ini. Lima tindakan yang dikemukakan: melindungi hak penangkapan ikan nelayan

tempatan, mengambil bahagian dalam rundingan pelbagai hala, menggalakkan kerjasama saintifik, mengendalikan bantuan kemanusiaan dan operasi penyelamat, dan melahirkan pakar dalam undang-undang laut.

Kerajaan sedang berusaha mengubah Pulau Taiping di Kepulauan Nansha (Spratly) menjadi pangkalan bantuan kemanusiaan dan bekalan di Laut China Selatan. Sejak mengambil alih tanggungjawab pada 2000 untuk mengekalkan kehadiran kerajaan di Pulau Taiping serta Kepulauan Dongsha (Pratas), Pentadbiran Pengawal Pantai (CGA) di bawah Majlis Hal Ehwal Lautan Peringkat Kabinet terus menjalankan misi bantuan bencana dan kemanusiaan serta membantu orang dari dalam dan luar negara. CGA komited menguatkan kerjasama dengan kaunterpartinya di negara-negara jiran, sejajar dengan dasar kerajaan untuk bekerjasama dengan semua pihak berkaitan demi meningkatkan keamanan dan kestabilan di Laut China Selatan.

Dengan keluasan 0.51 kilometer persegi, Pulau Taiping mempunyai kapasiti penuh untuk mengekalkan penempatan manusia dan pembangunan ekonominya sendiri. Ia memenuhi kriteria pulau yang ditakrifkan dalam Perkara 121 UNCLOS, yang memberi Republik China (Taiwan) hak penuh berkaitan dengan perairan wilayah, zon bersebelahan, zon ekonomi eksklusif 200 batu nautika dan pelantar benua di bawah UNCLOS.

Kerjasama Menang-Menang

Sebagai warga model masyarakat global, Taiwan akan terus mempromosikan bantuan kemanusiaan dan langkah kawalan penyakit sementara menyumbang secara aktif

dalam inisiatif antarabangsa untuk menangani perubahan iklim, keganasan dan jenayah transnasional. Pada masa hadapan, Taiwan akan menjalin kerjasama yang berkekalan dengan negara sekutu dan negara-negara berpandangan serupa bagi menggalakkan interaksi kerajaan, pelaburan perniagaan dan pertukaran penduduk, serta bekerjasama dengan rakan-rakannya di seluruh dunia bagi menegakkan dan menggalakkan nilai-nilai sejagat seperti keamanan, kebebasan, demokrasi dan hak asasi manusia.

Rangka Kerja Kerjasama dan Latihan Global yang diwujudkan pada tahun 2015 berfungsi sebagai platform penting bagi Taiwan, AS, Jepun, Australia dan negara peserta lain yang berpandangan serupa untuk bersama-sama menganjurkan program latihan yang dihadiri oleh pegawai dan pakar dari seluruh dunia. Selama bertahun-tahun, inisiatif ini telah membantu banyak negara membina kapasiti dalam hampir 20 bidang terkemuka, termasuk kesihatan awam, penguatkuasaan undang-undang, keselamatan siber, keselamatan tenaga, literasi media, pemberkasaan wanita, bantuan kemanusiaan dan bantuan bencana. GCTF terus berkembang dari segi negara peserta dan pelbagai isu yang ditangani.

Reaksi Taiwan terhadap pandemik koronavirus dengan melakukan pengesanan kontak berteknologi tinggi dan perkongsian maklumat yang telus, kini dikenali di seluruh dunia sebagai Model Taiwan. Kejayaan ini, serta sumbangan pelitup muka dan bekalan perubatan lain kepada lebih 80 negara, telah membuka peluang kepada Taiwan untuk bekerjasama rapat dengan sekutunya dalam pembangunan dan kajian vaksin koronavirus.

Dipuji secara meluas dalam menyelamatkan nyawa dan mengukuhkan tindak balas global terhadap COVID-19, keberkesanan Model Taiwan diuji oleh pandemik koronavirus domestik terbesar. Tindak balas pantas daripada semua segmen masyarakat - disokong oleh pusingan berbudi derma vaksin dari dalam dan luar negara - telah menyaksikan Taiwan berjaya melawan COVID-19. Dengan sokongan ini, Taiwan akan terus meningkatkan kerjasama dengan negara-negara yang berpandangan serupa mengenai kesihatan awam untuk membendung pandemik ini dan melindungi Kesihatan Semua Insan.

Perubahan dalam masyarakat, liberalisasi ekonomi dan transformasi demokratik di Taiwan telah mewujudkan persekitaran yang ideal untuk sektor swasta, manakala pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga telah mula berkembang pesat. Masyarakat sivil kini memainkan peranan utama dalam memastikan tadbir urus yang baik dan membolehkan Taiwan melebarkan pengaruhnya di komuniti antarabangsa. NGO juga telah meningkatkan reputasi Taiwan melalui penglibatan dalam pelbagai projek kerjasama antarabangsa yang sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan PBB. Untuk menghubungkan NGO Taiwan dengan lebih baik ke dunia, kerajaan menumpukan usaha untuk membantu mereka mengambil bahagian dalam persidangan dan acara antarabangsa sementara membina kapasiti keseluruhan mereka. Kerajaan juga komited untuk memudahkan usaha NGO antarabangsa (INGO) dalam mewujudkan kehadiran di Taiwan, memupuk persekitaran yang kondusif untuk menggalakkan demokrasi, kebebasan, hak asasi manusia dan kemakmuran.

Hubungan Rentas Selat

Fakta Penting

Pelan tindakan Empat Tonggak Keamanan Presiden Lai Ching-te merangkumi elemen utama berikut:

- Pertahanan negara yang kukuh;
- Keselamatan ekonomi yang lebih baik;
- Kepimpinan rentas selat yang stabil dan berprinsip;
- Diplomasi berasaskan nilai.

Sejak pemindahan kerajaan pada 1949, Taiwan telah menjalankan kuasa pentadbirannya ke atas pulau utama Taiwan, Kepulauan Penghu, Kepulauan Kinmen, Kepulauan Matsu dan beberapa pulau yang lebih kecil, manakala China terus berada di bawah kawalan pihak berkuasa di Beijing. Sejarai dengan perkembangan proses demokrasi yang pesat di Taiwan pada akhir tahun 1980-an, banyak sekatan berkaitan pertukaran sivil dengan China telah ditarik balik. Kini Taiwan merupakan salah satu pelabur terbesar di China. Antara tahun 1991 hingga akhir bulan Disember 2023, sebanyak 45,523 pelaburan yang kesemuanya berjumlah AS\$206.37 bilion



Yayasan Pertukaran Selat yang berpangkalan di Bandar Taipei menangani isu teknikal dan perniagaan rentas selat.

(Chin Hung-hao)

telah diluluskan di China. Pada 2023, nilai perdagangan dua hala rentas selat mencatatkan jumlah AS\$165.97 bilion.

Pada Jun 2008, rundingan antara Yayasan Pertukaran Selat (institusi separa rasmi) dari Taiwan dengan Persatuan Hubungan Rentas Selat Taiwan dari China telah berlangsung selepas tertangguh selama 10 tahun. Menjelang Ogos 2015, 11 sesi rundingan telah diadakan secara bergilir-gilir di kedua-dua negara selat, yang menghasilkan 23 perjanjian rasmi, antaranya 21 perjanjian telah berkuat kuasa, dan dua konsensus dicapai. Antara perjanjian paling penting ialah Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Rentas Selat (ECFA) yang dimeterai pada Jun 2010, yang bertujuan untuk menyelaraskan hubungan perdagangan dan ekonomi antara Taiwan dengan China.

Keamanan dan Kestabilan

Bagi merangsang pembaharuan domestik yang menyeluruh, Taiwan memerlukan persekitaran luar yang aman dan stabil, terutamanya dari aspek hubungannya dengan China. Dalam ucapan perasmianya pada 20 Mei 2024, Presiden Lai menekankan bahawa keamanan di Selat Taiwan, manfaat bersama dan kemakmuran bersama harus menjadi matlamat bersama kedua-dua pihak.

Demokrasi dan kebebasan adalah komitmen Taiwan yang tidak berbelah bahagi, dan kemakmuran, yang diperolehi melalui keamanan dan kestabilan yang berkekalan, adalah objektif kami. Kerajaan tidak akan mengalah atau memprovokasi, sebaliknya menegakkan Empat Komitmen dan mengekalkan status quo rentas selat.


Walau bagaimanapun, dalam tahun-tahun kebelakangan ini, China telah mengambil beberapa tindakan termasuk

menetapkan prasyarat politik untuk pertukaran rentas selat, menggantung interaksi rasmi secara unilateral, dan terus mengenakan penindasan politik dan ugutan ketenteraan terhadap Taiwan. Pada 2 Januari 2019, China mengesyorkan model “satu negara, dua sistem” untuk Taiwan, yang menjejaskan status quo keamanan dan kestabilan serantau secara mendalam.

Pada tahun 2022, Nancy Pelosi, speaker Dewan Perwakilan AS pada masa itu, melawat Taiwan, dan pada tahun berikutnya Presiden Tsai Ing-wen bertemu dengan speaker Dewan Perwakilan berikutnya, Kevin McCarthy. Berikutan kedua-dua peristiwa itu, pihak berkuasa China meningkatkan tekanan terhadap Taiwan melalui campur tangan politik dan ancaman ketenteraan yang semakin meningkat bersama-sama dengan paksaan ekonomi dan taktik zon kelabu yang lain.

Memandangkan ketegangan geopolitik, kerajaan telah mengemas kini Akta yang Mentadbir Hubungan Rakyat Taiwan dan Tanah Besar China. Pindaan yang diluluskan setakat ini telah mewujudkan mekanisme pengawasan untuk perjanjian politik rentas selat dan denda yang diselaraskan untuk pelaburan China yang tidak dibenarkan. Artikel juga dipinda

Perdagangan Rentas Selat



Sumber: Pentadbiran Perdagangan Antarabangsa

untuk mengetatkan sekatan perjalanan ke China oleh sesiapa sahaja yang memiliki atau mempunyai akses kepada teknologi berkaitan keselamatan negara utama dan telah ditugaskan oleh atau menerima bantuan penyelidikan daripada kerajaan, serta untuk mengukuhkan peraturan yang menghalang perusahaan China daripada menjalankan aktiviti perniagaan yang tidak dibenarkan di Taiwan melalui pelaburan pihak ketiga.

Sebagai sebahagian daripada tindak balas Taiwan terhadap pandemik COVID-19, kerajaan melaksanakan sekatan sempadan terhadap warga China yang memasuki Taiwan. Langkah-langkah ini telah dilonggarkan untuk menangani kebimbangan kemanusiaan, keperluan perindustrian dan hak pendidikan, yang membolehkan warga China datang ke Taiwan untuk melawat ahli keluarga, untuk mematuhi obligasi perniagaan kontrak sebagai sebahagian daripada pemindahan kakitangan dalaman dalam perusahaan multinasional, dan menghadiri pertukaran akademik atau program ijazah di Taiwan. Pada masa hadapan, kerajaan akan terus mengkaji dan menyesuaikan dasar-dasarnya mengikut perkembangan terkini, serantau dan rentas selat.

Kerajaan akan mempertimbangkan perkembangan situasi rentas selat mengikut prinsip dan hala tuju dasar rentas selat Presiden Lai. Kerajaan akan mendengar pendapat daripada semua sektor masyarakat, mengukuhkan mekanisme pengurusan untuk pertukaran rentas selat, meningkatkan mekanisme demokrasi dan pertahanan dan bekerjasama dengan pihak berkuasa yang berkaitan untuk menjalankan pindaan undang-undang dan peraturan apabila perlu. Hal ini bertujuan untuk menggalakkan interaksi rentas selat yang positif dan mengekalkan pertukaran yang normal dan teratur antara kedua-dua pihak.

Pendekatan Konsisten

Kerajaan akan terus mengendalikan hubungan rentas selat berdasarkan Perlembagaan Republik China (Taiwan), Akta yang Mentadbir Hubungan Rakyat Taiwan dan Tanah Besar China, dan hasrat rakyat Taiwan sendiri.

Kerajaan menyeru pihak berkuasa di Beijing untuk menerima hakikat tentang kewujudan Republik China (Taiwan) dan menghormati pilihan rakyat Taiwan untuk melibatkan diri dalam kerajaan sah yang telah mereka pilih, sambil menggalakkan China untuk mengadakan dialog dan bukannya konfrontasi; pertukaran dan bukannya pembendungan, dan mengejar keamanan dan kemakmuran bersama di bawah prinsip kesamaan dan maruah.

Kerajaan telah berulang kali menyatakan bahawa Parti Komunis China (PKC) harus menghentikan ugutan politik dan ketenteraannya, dan berkongsi tanggungjawab global dengan Taiwan untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan di Selat Taiwan serta Indo-Pasifik yang lebih luas. Walaupun terdapat ancaman daripada PKC, Taiwan akan mempromosikan pelan tindakan Empat Tonggak Keamanan secara aktif untuk melindungi nilai kebebasan dan demokrasi serta mempertahankan keamanan dan kestabilan serantau. Kami akan menggalakkan pertukaran rentas selat yang sihat dan teratur mengikut undang-undang, peraturan dan Perlembagaan Republik China (Taiwan) yang berkaitan.

Kerajaan Taiwan akan terus mempergiat kerjasama dengan AS, Jepun dan negara-negara lain yang berpandangan serupa bagi menentang ancaman China terhadap Taiwan, mengekalkan keamanan, kestabilan dan kemakmuran serantau, serta melindungi kepentingan negara.

Ekonomi 07

Fakta Penting

Taiwan ialah pengeksport barang dagangan ke-16 terbesar di dunia pada tahun 2023.

Di bawah Dasar Baharu Pandang ke Selatan, Taiwan mengeratkan hubungan dengan 10 anggota Persatuan Negara-negara Asia Tenggara, 6 negara Asia Selatan, Australia dan New Zealand.

Taiwan memainkan peranan penting dalam ekonomi global. Ia merupakan pemain utama dalam industri teknologi maklumat dan komunikasi dunia, selain dikenali sebagai pembekal utama barangan merentasi seluruh spektrum perindustrian.

Menurut Pertubuhan Perdagangan Dunia, Taiwan ialah pengeksport ke-16 terbesar dan pengimport ke-21 terbesar bagi barang dagangan pada 2023. Ia juga salah satu pemegang terbesar rizab pertukaran asing pada Disember 2023. Menurut Tabung Kewangan Antarabangsa, Keluaran



Taiwan ialah peneraju Asia-Pasifik dalam kapasiti tenaga angin luar pesisir berkat kerjasama sektor awam dan swasta. (Kent Chuang)

Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita Taiwan mencatatkan AS\$32,440 pada 2023. KDNK nominal Taiwan pula hampir menyamai Poland dan Switzerland, manakala KDNK per kapita Taiwan yang diungkapkan sebagai pariti kuasa beli adalah sama dengan KDNK per kapita Denmark dan Belanda.

Pertumbuhan Perdagangan

Pada tahun 2023, pertumbuhan ekonomi global menurun disebabkan oleh permintaan yang lebih rendah akibat daripada kadar faedah yang tinggi, pengurangan inventori yang berpanjangan dan ketegangan geopolitik. Walau bagaimanapun, berkat daripada penyusunan semula rantaian bekalan global dan aplikasi AI yang baru muncul, jumlah eksport dan import Taiwan mencecah AS\$783.9 bilion, ketiga tertinggi dalam rekod. Angka 2023 menurun sebanyak 13.6 peratus, mencerminkan kesan asas yang tinggi tahun sebelumnya. Secara khusus, eksport dan import masing-masing menurun sebanyak 9.8 peratus dan 17.9 peratus.

Kaji selidik tahunan ekonomi dunia, termasuk yang dijalankan oleh Institut Antarabangsa bagi Pembangunan Pengurusan (IMD) dan Perisikan Risiko Persekitaran Perniagaan telah meletakkan Taiwan dalam kalangan negara terbaik tahun demi tahun dari aspek pertumbuhan jangka panjang dan pembangunan teknologi. Keputusan kaji selidik 2023 juga memberikan hasil yang serupa (rujuk jadual "Senarai Kedudukan mengikut Kaji Selidik Global", halaman 64-65).

Pada Julai 2013, Taiwan menandatangani perjanjian kerjasama ekonomi dengan New Zealand, iaitu perjanjian pertama Taiwan dengan negara anggota Organisasi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD). Pada


November tahun yang sama, perjanjian ekonomi turut ditandatangani dengan Singapura, iaitu perjanjian pertama Taiwan dengan rakan perdagangannya di Asia Tenggara. Kedua-dua perjanjian tersebut melangkaui komitmen Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO). Perkembangan sedemikian dijangka memudahkan penyertaan Taiwan dalam blok integrasi ekonomi serantau seperti Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) dan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP).

Fakta Ringkas KDNK (2023)


Nominal: **AS\$755 bilion**

Per kapita (nominal): **AS\$32,319**

PPP per kapita (oleh IMF): **AS\$72,812**



Kadar Pertumbuhan Ekonomi



Sumber: Direktorat-Jeneral Belanjawan, Perakaunan dan Statistik

Taiwan menandatangani perjanjian kerjasama ekonomi dengan Paraguay, Eswatini, Kepulauan Marshall dan Belize masing-masing pada 2017, 2018, 2019 dan 2020. Perjanjian-perjanjian ini bertujuan untuk mengukuhkan hubungan ekonomi, pelaburan, teknologi dan perdagangan di samping meningkatkan persahabatan dengan negara-negara ini.

Taiwan dan AS menandatangani perjanjian pertama di bawah Inisiatif Taiwan-AS berkenaan Perdagangan Abad ke-21 pada Jun 2023. Kedua-dua negara ini juga meningkatkan kerjasama rantaian bekalan dan peralihan tenaga melalui Dialog Perkongsian Kemakmuran Ekonomi Taiwan-AS dan Kerjasama Perdagangan dan Pelaburan Teknologi Taiwan-AS. Pada 22 Februari 2024, kedua-dua negara ini menandatangani Memorandum Persefahaman berkenaan kerjasama

pembangunan antarabangsa, yang meningkatkan kerjasama Taiwan dengan Perbadanan Kewangan Pembangunan Antarabangsa AS dalam peluang pelaburan sektor swasta.

Pendekatan Pembangunan

Pada tahun 2016, kerajaan Taiwan melancarkan dasar pembangunan perindustrian baharu untuk mempercepatkan transformasi dan peningkatan. Dasar ini merupakan Pelan Inovasi Industri Lima Tambah Dua dan menjadi faktor utama dalam memacu pertumbuhan industri dalam jentera pintar generasi akan datang, Lembah Silikon Asia, bioteknologi & farmaseutikal, tenaga hijau, pertahanan negara, pertanian baharu dan ekonomi kitaran.

Pada tahun 2020, berdasarkan dasar-dasar sebelumnya, enam industri strategik teras telah dikenal pasti untuk menghubungkan Pelaburan dalam Tiga Pelan Utama Taiwan 2019. Ini termasuk maklumat dan digital, keselamatan siber, kesihatan kepersisan, pertahanan dan strategi negara, tenaga hijau yang boleh diperbaharui, dan industri simpanan stok strategik. Ini akan meningkatkan pembangunan perindustrian keseluruhan di Taiwan dan mewujudkan persekitaran pelaburan yang lebih baik untuk transformasi dan peningkatan sektor.

Bagi memenuhi keperluan infrastruktur negara dalam tempoh 30 tahun akan datang, kerajaan juga mempromosikan Program Pembangunan Infrastruktur Pandang ke Hadapan. Program ini merangkumi lapan elemen utama: pembangunan landasan kereta api, infrastruktur digital, persekitaran akuatik, keselamatan makanan, tenaga hijau, pembangunan bandar-desa, meningkatkan kadar kelahiran


Profil Perdagangan dan Pelaburan (2023)

Jumlah perdagangan: **AS\$783.9 bilion**


Eksport: **AS\$432.4 bilion** Import: **AS\$351.4 bilion**

Imbangan perdagangan: lebih AS\$81 bilion

Destinasi eksport utama
(sebagai % daripada jumlah eksport):



Sumber import utama
(sebagai % daripada jumlah import):




Rizab pertukaran asing: **AS\$570.6 bilion**

(Sehingga Disember 2023)


Pelaburan keluar berdaftar: **AS\$23.57 bilion**

• Lima destinasi utama



Pelaburan masuk berdaftar: **AS\$11.2 bilion**

• Lima sumber utama



Kedudukan Mengikut Kaji Selidik Global

Tajuk Kaji Selidik (Tarikh Penerbitan)	Kedudukan	Bilangan Negara yang Terlibat	Institusi yang Menjalankan Kaji Selidik
Buku Tahunan Daya Saing Dunia (Jun 2024)	8	67	Institut Antarabangsa bagi Pembangunan Pengurusan (International Institute for Management Development)
Indeks Kebebasan Ekonomi (Februari 2024)	4	184	Yayasan Warisan (The Heritage Foundation)

dan kemudahan penjagaan kanak-kanak, memupuk bakat dan meningkatkan peluang pekerjaan.

Dalam usaha memajukan industri inovatif, kerajaan juga komited dengan inisiatif melindungi alam sekitar. Berlandaskan objektif ini, model ekonomi baharu berusaha untuk menyepadukan sepenuhnya penstrukturan semula industri, rancangan penggunaan tanah negara dan strategi pertumbuhan wilayah bagi memupuk pembangunan mampan di samping menggalakkan penggunaan sumber tenaga hijau.

Pada tahun 2024, bagi mengukuhkan ekonomi dan industri, kerajaan akan membangunkan Lima Sektor Industri Dipercayai iaitu semikonduktor, AI, ketenteraan, keselamatan dan pengawasan, serta komunikasi generasi akan datang. Perusahaan kecil dan sederhana akan menerima bantuan untuk menaik taraf dan mentransformasi, sementara pertumbuhan inklusif, teknologi pintar dan kemampanan akan meningkatkan lagi pencapaian ekonomi Taiwan.

Sebagai tindak balas kepada kemunculan AI generatif dan cabaran transformasi perindustrian digital dan sifar bersih, kerajaan mencadangkan Pelan Pembangunan Lembah Silikon Asia 3.0 berdasarkan asas Pelan Lembah Silikon Asia yang sedia ada. Pelan ini memberi tumpuan kepada pembangunan teknologi termasuk rangkaian AI, 5G dan satelit untuk mempercepatkan peralihan industri digital dan pelepasan karbon sifar bersih. Ia bertujuan untuk memperluaskan pembiayaan untuk syarikat permulaan dalam tempoh empat tahun akan datang.

Melalui pendekatan ini, kerajaan menyasarkan untuk menaikkan kadar gaji serta meningkatkan pembangunan wilayah sementara mengurangkan cabaran global dan perang perdagangan AS-China yang berpanjangan. Langkah-langkah yang diambil diharap dapat meningkatkan daya saing industri dan seterusnya meningkatkan ekonomi Taiwan.



Sebagai pengeluar semikonduktor terbesar di dunia, Taiwan menganjurkan ekspo industri peringkat teratas, seperti SEMICON Taiwan 2023. (Jimmy Lin)

Sains dan Teknologi 08

Fakta Penting

Taiwan salah sebuah negara pengeluar produk teknologi maklumat dan komunikasi yang terkemuka di dunia.

Institut Antarabangsa bagi Pembangunan Pengurusan meletakkan Taiwan pada tangga ke-8 daripada 67 negara dalam Buku Tahunan Daya Saing Dunia yang diumumkan pada Jun 2024.

Untuk merealisasikan visi kerajaan “Smart Taiwan 2030” yang bertujuan untuk “Menjadikan Taiwan Inovatif, Inklusif dan Mampan,” Majlis Sains dan Teknologi Negara (NSTC) kini mengukuhkan kerjasama dengan kementerian lain dalam usahanya untuk lebih memahami keperluan penduduk negara yang berlainan, mengintegrasikan teknologi inovatif ke dalam kehidupan seharian dan membuka peluang kepada industri baharu yang mesra alam. Dengan sains dan teknologi yang berfungsi sebagai pemacu utama dalam pertumbuhan ekonomi dan kemajuan negara, NSTC berusaha untuk memajukan pembangunan yang berkaitan dengan membantu perkembangan syarikat permulaan, mempromosikan tiga taman sains negara dan menyokong

penyelidikan akademik. Ia juga melaksanakan pelbagai langkah dan program untuk memupuk kreativiti dan memastikan penyelidikan memberi tumpuan kepada keperluan industri.


Kejayaan syarikat-syarikat berteknologi tinggi di Taiwan sebahagian besarnya didorong oleh peruntukan dana kerajaan yang besar bagi pembangunan industri sains gunaan. Berbekalkan sokongan pihak kerajaan, Institut Penyelidikan Teknologi Industri (ITRI), Makmal Penyelidikan Gunaan Negara dan juga Institut Industri Maklumat memainkan peranan penting dalam melonjakkan reputasi negara sebagai penjana teknologi dengan menggiatkan penyelidikan, menyokong aktiviti penyelidikan & pembangunan sektor swasta serta meneroka teknologi baharu.

Sokongan Inovasi

Kepakaran ITRI dalam inovasi teknologi ditunjukkan dengan anugerah yang diterima. Sepanjang 16 tahun yang lalu, institut ini telah memenangi 58 Anugerah R&D 100 yang dihormati, bersama-sama dengan 16 Anugerah Edison sejak 2017 dan lapan pengiktirafan Clarivate Top 100 Global Innovator sejak 2015. Institut ini juga telah memainkan peranan penting dalam memupuk syarikat-syarikat yang terus mencapai kejayaan besar dalam pasaran global. Antaranya ialah Taiwan Semiconductor Manufacturing Co. dan United Microelectronics Corporation, yang terkenal sebagai pembuat litar bersepadu tersuai yang terkemuka di seluruh dunia.

Ditubuhkan pada tahun 2003, Makmal Penyelidikan Gunaan Negara (NARLabs) menggabungkan 7 makmal negara menjadi sebuah institut bukan untung bebas di bawah Majlis Sains dan Teknologi Negara. Empat misinya adalah untuk mewujudkan platform R&D, menyokong penyelidikan

Perolehan syarikat di tiga taman sains utama Taiwan (2023)



Sumber: Majlis Sains dan Teknologi Negara

akademik, mempromosikan sains dan teknologi sempadan, dan memupuk tenaga kerja berteknologi tinggi. NARLabs berusaha untuk mencapai "kecemerlangan global, impak tempatan." Ia berusaha untuk mentransliterasikan hasil penyelidikan akademik ke dalam perniagaan sebenar dan industri baru muncul dengan harapan dapat menyumbang kepada kebajikan sosial.

Sempena menyambut ulang tahun yang ke-21, NARLabs mengalu-alukan teknologi baharu dan berfungsi selaras dengan dasar negara untuk menerajui inovasi dalam peranannya sebagai makmal negara. NARLabs akan terus mengusahakan integrasi pelbagai disiplin dan teknologi yang baru digunakan berdasarkan domain penyelidikan saintifik sedia ada. Tindak balas terhadap impak alam sekitar dan perubahan sosial ini termasuk AI, data besar, kenderaan tanpa pemandu, internet benda dan bioteknologi. NARLabs sangat komited terhadap penubuhan platform R&D dan

Kedudukan Mengikut Kaji Selidik Global

Tajuk Kaji Selidik (Tarikh Penerbitan)	Kedudukan (kategori)	Bilangan Negara yang Terlibat	Institusi yang Menjalankan Kaji Selidik
Laporan Daya Saing Global 2019 (Oktober 2019)	4 (keupayaan inovasi)	141	Forum Ekonomi Dunia (World Economic Forum)
Buku Tahunan Daya Saing Dunia (Jun 2024)	10 (infrastruktur teknologi) 6 (infrastruktur saintifik)	67	Institut Antarabangsa bagi Pembangunan Pengurusan (International Institute for Management Development)

membolehkan penggunaan teknologi baharu, sekali gus menyumbang kepada pembangunan negara.

Objektif Institut Industri Maklumat adalah untuk meningkatkan daya saing global Taiwan dengan menyediakan platform bagi transformasi digital. Institut ini menjalankan aktiviti penyelidikan & pembangunan berkaitan produk dan aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang inovatif. Ia juga memainkan peranan penting dalam pembangunan ICT sektor awam dan swasta dengan menggalas tanggungjawab sebagai badan pemikir dalam penggubalan dasar dan menyokong pembangunan bakat. Sepanjang empat dekad yang lalu, lebih 500,000 orang pakar telah menerima latihan melalui institut ini.

Ekosistem teknologi Taiwan menyediakan persekitaran yang ideal untuk pelabur global yang ingin membina reputasi di Asia. Taiwan memiliki syarikat modal teroka tempatan, pembekal perkhidmatan kejuruteraan dan pemaju teknologi

dengan pengalaman kerjasama yang luas dalam aktiviti penyelidikan & pembangunan yang canggih. Kesemuanya tertumpu di Arena Teknologi Taiwan, sebuah pusat baharu untuk pembangunan inovasi dan pembukaan syarikat permulaan yang menarik minat usahawan muda dari seluruh dunia. Dengan menggandingkan program pemecut, syarikat modal teroka dan perusahaan, Arena Teknologi Taiwan mempunyai pangkalan di Bandar Taipei dan Tainan, dari sana ia berusaha untuk membina ekosistem syarikat permulaan antarabangsa yang bertenaga. Arena Teknologi Taiwan mewakili suara syarikat permulaan teknologi di Taiwan, serta pad pelancaran untuk perusahaan teknologi global.

Komitmen sektor awam dan swasta selama bertahun-tahun lamanya dalam membangunkan kepakaran teknologi kini membuahkan hasil apabila taman sains Taiwan menjadi tumpuan syarikat yang ingin memburu kecemerlangan dalam bidang bioteknologi, komputer dan periferal, litar bersepadu, optoelektronik, jentera kepersisan dan telekomunikasi.

Pendidikan

09

Fakta Penting

Taiwan telah melaksanakan sistem pendidikan asas selama 12 tahun sejak 2014.

Terdapat 145 buah universiti, kolej dan maktab rendah di Taiwan.

Pendidikan ialah komponen penting dalam penggubalan dasar kerajaan dan melibatkan sebahagian besar peruntukan belanjawan negara. Dengan penekanan yang lebih tinggi dalam pendidikan tinggi, graduan kolej teknik atau universiti merangkumi 49.7 peratus daripada penduduk Taiwan berumur 15 tahun ke atas, iaitu 8 peratus lebih tinggi berbanding dekad lalu.

Bagi menawarkan peluang yang lebih meluas kepada pelajar, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan pendidikan asas 12 tahun untuk dilaksanakan dalam sistem pendidikan wajib 9 tahun sejak 2014. Setiap tahun, dalam pertandingan seperti Olimpiad Sains Antarabangsa,



Seorang budak lelaki terpesona dengan pameran "Jurassic X Dinosaur Snow World" di Pusat Seni Persembahan Taipei.

(Gambar ihsan daripada Pan I-Ju)

pelajar muda dari Taiwan meraih kemenangan cemerlang dalam mata pelajaran biologi, kimia, sains bumi, matematik, sains maklumat dan fizik. Kepakaran tenaga kerja di Taiwan telah banyak membantu meningkatkan kemakmuran ekonomi dan kualiti kehidupan.

Menyedari Taiwan sebuah negara berbilang budaya, kerajaan Taiwan telah memasukkan kursus mandatori bahasa Taigi, Hakka, bahasa Peribumi Taiwan dan bahasa pendatang baharu dalam sistem pendidikan asas selama 12 tahun untuk mendorong penyebaran, kebangkitan dan pembangunan bahasa-bahasa tersebut. Tambahan pula, untuk meningkatkan daya saing bakat dan industri Taiwan di arena antarabangsa, kerajaan menerima pakai dasar Dwibahasa 2030 pada tahun 2021.

Program Biasiswa

Biasiswa daripada kerajaan dan universiti disediakan untuk pelajar antarabangsa. Sebagai contoh, program Biasiswa Taiwan menawarkan dana kepada pelajar yang ingin meneruskan pengajian peringkat ijazah sarjana muda atau ijazah dalam pelbagai bidang. Pemohon yang berminat boleh menghubungi kedutaan dan pejabat perwakilan negara masing-masing atau melayari laman web Kementerian Pendidikan di: <https://english.moe.gov.tw/lp-24-1.html>.

Bagi menggalakkan pelajar antarabangsa mempelajari bahasa Mandarin di Taiwan, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan Biasiswa Pengayaan Huayu. Selain membolehkan pelajar asing menghadiri kursus bahasa Mandarin di 65 pusat pembelajaran Mandarin gabungan

Fakta Ringkas


Kadar celik huruf (15 tahun ke atas): **99.2%** (2023)

Peruntukan untuk pendidikan, sains dan kebudayaan: **19.5%** daripada belanjawan kerajaan pusat (2024)

Institusi pengajian tinggi: **145**
(133 universiti dan kolej, 12 maktab rendah)

Jumlah pelajar yang berdaftar di institusi pengajian tinggi:

Jumlah: **1.09** juta



universiti dalam negara, program ini juga mampu meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai budaya dan masyarakat Taiwan di peringkat antarabangsa.

Senarai pusat latihan bahasa Mandarin dan maklumat tentang pembelajaran bahasa ini di Taiwan boleh didapati di laman web Kementerian Pendidikan, Study in Taiwan (www.studyintaiwan.org) dan Pusat Sumber Pendidikan Mandarin Taiwan (https://lmit.edu.tw/lc/school_list/).

Taiwan berdedikasi untuk mengekalkan dan mempromosikan warisan opera Taiwan.

(Ihsan Pejabat Presiden)

Kebudayaan

Fakta Penting

Taiwan ialah pusat industri muzik pop Mandarin.

Muzium Istana Negara di Bandar Raya Taipei menyimpan salah satu koleksi artifak Cina purba yang terbesar di dunia.

Taiwan terkenal dengan penyepaduan budaya tradisional dan moden yang mempesonakan. Dalam usaha memperkenalkan sejarah negara dan kepelbagaian budaya, beberapa muzium telah dibina di seluruh Taiwan, termasuk Muzium Istana Negara, Muzium Negara Taiwan, Muzium Sejarah, Muzium Prasejarah, Muzium Sejarah, Muzium Kesusasteraan dan Muzium Seni Halus Taiwan. Terdapat juga pentas persembahan seni di seluruh Taiwan, termasuk Panggung Negara dan Dewan Konsert, Teater Kebangsaan Taichung, Pusat Kesenian Negara Kaohsiung (Weiwuying) dan Pusat Teater Tradisional Taiwan. Kemudahan berkualiti tinggi seperti ini menjadikan Taiwan sebagai pusat tumpuan seni di Asia yang menjanjurkan

pelbagai acara seperti Festival Seni Antarabangsa Taiwan. Seni bina tradisionalnya adalah satu lagi tarikan yang bukan sahaja boleh dilihat di beberapa monumen indah seperti tokong dan kediaman rasmi, tetapi juga pada kebanyakan struktur lama yang telah dipulihkan dan digunakan sebagai pusat komuniti, kafe, kedai dan tempat awam lain. Malah, banyak aspek seni, kraf dan budaya tradisional Cina dipelihara dengan lebih baik di Taiwan berbanding tempat lain di dunia. Sebagai contoh, Taiwan adalah salah satu negara yang masih menggunakan tulisan tradisional Cina, sementara pertandingan kaligrafi merupakan acara yang sentiasa mendapat sambutan hangat.

Amalan tradisi agama Buddha, Konfusianisme dan Taoisme terus dipraktikkan dalam segenap aspek kebudayaan Taiwan, termasuk perayaan keagamaan, kesusasteraan, seni visual dan seni pentas. Di samping itu, pengunjung juga berpeluang mempelajari warisan etnik berbahasa Hakka dan Taigi, serta 16 suku peribumi yang bermastautin di negara ini. Taiwan juga berkongsi kekayaan kebudayaan di seluruh dunia melalui program yang disokong oleh bahagian kebudayaan pejabat perwakilan di luar negara.

Seiring dengan peredaran masa, bandar-bandar besar di Taiwan telah berkembang sebagai metropolis yang maju dengan aneka pilihan hiburan dari siang hingga malam. Pelbagai kumpulan tarian yang dipandang tinggi dan arena muzik yang meriah bukanlah sesuatu yang janggal kerana Taiwan merupakan pusat Mandopop, atau muzik pop Mandarin yang tersohor di dunia. Baru-baru ini dibuka, Pusat Muzik Taipei dan Pusat Muzik Kaohsiung kedua-duanya telah menjadi tempat persembahan utama.

Sektor televisyen dan filem tempatan mula bangkit semula sejak beberapa tahun kebelakangan ini, manakala ledakan industri kebudayaan dan kreatif dalam negara dapat disaksikan melalui perkembangan kedai pereka fesyen, pasar raya dan pameran yang kian meningkat setiap tahun.

Daripada seni kesusasteraan hingga perayaan rakyat dan suasana meriah di pasar malam, tradisi Taiwan berkait rapat dengan kehidupan seharian, seterusnya melahirkan budaya unik yang menggandingkan keunikan masa lampau dengan kemodenan era masa kini.

Ukiran buluh adalah kemahiran tradisional yang memerlukan masa dan tenaga yang banyak kerana sifat bahan yang digunakan. (Chen Mei-ling)



Media Massa

Fakta Penting

Taiwan menduduki tempat pertama di Asia Timur dalam Indeks Kebebasan Akhbar Dunia 2024 yang dikeluarkan oleh Reporters Without Borders.

Kepelbagaian media Taiwan boleh dilihat dalam aneka penerbitan dan persaingan sengit dalam industri. Akhbar negara Taiwan beroperasi dalam salah satu persekitaran media yang paling bebas di Asia.

Taiwan menduduki tangga ke-27 di dunia dan tangga pertama di Asia Timur dalam Indeks Kebebasan Akhbar Dunia 2024 yang diumumkan pada 3 Mei oleh organisasi Reporters Without Borders (RSF) yang berpangkalan di Perancis. Dalam kaji selidik yang melibatkan 180 buah

Lebih daripada 57,000 judul buku baharu melanda rak di Taiwan pada tahun 2023. (Kent Chuang)



negara dan wilayah, Taiwan mendahului Korea Selatan yang berada di kedudukan ke-62; Jepun yang berada di kedudukan ke-70; Hong Kong yang ke-135; dan China yang ke-172. Norway, Denmark dan Sweden menerajui indeks tersebut pada tangga pertama, kedua dan ketiga. Sehingga Jun 2024, seramai 176 wartawan daripada 84 organisasi media dari 22 negara ditempatkan di Taiwan.

Kebanyakan jenis media terlibat dalam peralihan industri kepada dunia penyebaran maklumat digital. Dengan memanfaatkan kelebihan Taiwan dalam teknologi maklumat dan komunikasi, bidang e-penerbitan kian berkembang pesat dan menyuntik nafas baharu dalam industri penerbitan buku tempatan, yang mengeluarkan 57,338 judul buku baharu pada 2023.

Fakta Ringkas



Stesen radio:
186



Stesen televisyen
pancaran darat: **5**



Pembekal penyiaran satelit:
88 (209 saluran)




Pengendali televisyen kabel: **64**

(Statistik 2024)

Sumber: Suruhanjaya Komunikasi Negara

Kadar Penggunaan Televisyen Digital di Rumah Kediaman



Sumber: Suruhanjaya Komunikasi Negara

Peralihan televisyen kabel kepada bentuk digital bukan sahaja menambah pengalaman visual penonton dengan ketara, tetapi juga membuka peluang kepada pelbagai perkhidmatan jalur lebar yang lebih inovatif dan bervariasi. Dengan peralihan digital yang hampir sempurna, televisyen kabel kian menjadi platform penting untuk pelbagai aplikasi multimedia.

Melawat Taiwan 12

Fakta Penting

Warganegara dari lebih 62 buah negara dan wilayah boleh memasuki Taiwan tanpa visa selama 14, 30 atau 90 hari mulai Jun 2024.

Taiwan menyediakan talian maklumat pelancongan pelbagai bahasa yang beroperasi 24 jam (0800-011-765).

Dengan gabungan budaya yang unik, pemandangan menakjubkan, aneka jenis masakan, kehidupan bandar yang menyenangkan dan industri perhotelan yang pesat berkembang, Taiwan menjadi destinasi impian pelbagai kategori pengunjung. Warga dari lebih 62 buah negara dan wilayah boleh memasuki Taiwan tanpa visa selama 14, 30 atau 90 hari mulai Jun 2024.

Selain landasan kereta api konvensional sepanjang 1,100 kilometer, Taiwan juga mempunyai sistem rel berkelajuan tinggi sepanjang 350 km di sepanjang pantai baratnya. Kereta api berkelajuan tinggi ini membolehkan



Luncur angin di Wilayah Taitung di bahagian timur Taiwan (Lin Min-hsuan)

perjalanan antara Taipei dengan Kaohsiung dalam masa 94 minit. Kedua-dua bandar ini serta metropolis Taoyuan dan Taichung yang masing-masing di bahagian utara dan tengah Taiwan juga dilengkapi sistem transit laju massa (MRT) yang canggih.

Pameran Perdagangan Antarabangsa

Sepanjang tahun ini, Majlis Pembangunan Perdagangan Luar Taiwan (TAITRA) telah menganjurkan pameran perdagangan yang merangkumi seluruh spektrum

Daripada snek tempatan sehingga restoran berbintang Michelin, Taiwan mampu memuaskan selera semua orang. (Lin Min-hsuan)



industri. Lokasi utamanya termasuk Dewan Pameran di Pusat Perdagangan Dunia Taipei, Dewan Pameran Nangang dan Pusat Pameran Kaohsiung di bahagian selatan Taiwan. Untuk butiran lanjut, sila layari www.taiwantradeshows.com.tw.

Maklumat Am untuk Pengunjung

Kerajaan menyediakan pelbagai laman web dan talian khas untuk memberikan maklumat tentang perjalanan, kehidupan dan kerjaya di Taiwan kepada warga asing.

Laman web/Talian khas	Bahasa
Pentadbiran Pelancongan Taiwan www.taiwan.net.tw	Mandarin, Inggeris, Perancis, Jerman, Indonesia, Jepun, Korea, Melayu, Sepanyol, Thai, Vietnam
Talian Khas Maklumat Perjalanan 0800-011-765 (24 jam)	Inggeris, Jepun, Korea, Mandarin
Agensi Imigresen Negara www.immigration.gov.tw	Inggeris, Indonesia, Khmer, Mandarin, Thai, Vietnam
Talian Khas Maklumat untuk Warga Asing 0800-024-111	24 jam: Inggeris, Jepun, Mandarin 9:00-17:00 pada hari bekerja: Vietnam 13:00-17:00 pada hari bekerja: Indonesia, Khmer, Thai

Tarikan Pelancong Utama



Bahagian Utara Taiwan

Muzium Istana Negara: www.npm.gov.tw

Taipei 101: www.taipei-101.com.tw

Muzium Seramik Yingge, Bandar Taipei Baru:
www.ceramics.ntpc.gov.tw

Dewan Peringatan Chiang Kai-shek:
www.cksmh.gov.tw

Tokong Lungshan: www.lungshan.org.tw

Taman Negara Shei-Pa: www.spnp.gov.tw

Taman Negara Yangmingshan: www.ymsnp.gov.tw

Kawasan Pemandangan Timur Laut dan Pantai Yilan:
www.necoast-nsa.gov.tw

Kawasan Pemandangan Pantai Utara dan Guanyinshan:
www.northguan-nsa.gov.tw



Bahagian Tengah Taiwan

Kawasan Pemandangan Tasik Sun Moon:
www.sunmoonlake.gov.tw

Kampung Kebudayaan Orang Asli Formosa:
www.nine.com.tw

Kawasan Pemandangan Tri-Mountain:
www.trimt-nsa.gov.tw

Institut Penyelidikan dan Pembangunan Barangan Kraf
Taiwan: www.ntcri.gov.tw

Perbandaran Lukang: www.lukang.gov.tw

Muzium Negara Sains Semula Jadi:
www.nmns.edu.tw

Taman Negara Yushan (Gunung Jade): www.ysnp.gov.tw



Bahagian Timur Taiwan

Taman Negara Taroko: www.taroko.gov.tw

Kawasan Rekreasi Hutan Taiwan:
recreation.forest.gov.tw

Kawasan Pemandangan Pantai Timur:
www.eastcoast-nsa.gov.tw

Kawasan Pemandangan Lurah Longitud Timur:
www.erv-nsa.gov.tw



Bahagian Selatan Taiwan

Taman Negara Taijiang: www.tjnp.gov.tw

Taman Negara Kenting: www.ktnp.gov.tw

Kawasan Pemandangan Alishan: www.ali-nsa.net

Kawasan Pemandangan Siraya: www.siraya-nsa.gov.tw

Kawasan Pemandangan Teluk Dapeng: www.dbnsa.gov.tw

Kawasan Pemandangan Maolin: www.maolin-nsa.gov.tw

Kawasan Pemandangan Pantai Barat Daya:
www.swcoast-nsa.travel.gov.tw

Taman Negara Shoushan: www.nnp.gov.tw

Pulau-pulau Sekitar

Taman Negara Kinmen: www.kmnp.gov.tw

Taman Negara Marin Penghu Selatan:
www.marine.gov.tw

Kawasan Pemandangan Matsu: www.matsu-nsa.gov.tw
Pulau Hijau dan Pulau Orkid:
tour.taitung.gov.tw/en/discover/offshore-islands



Perayaan & Acara Utama

Bulan	Perayaan/Acara*
Jan.	Sambutan Tahun Baru
Feb.	Pesta Tanglung Taiwan**
Mac	Pameran Orkid Antarabangsa Taiwan
Apr.	Perayaan Keagamaan Antarabangsa Mazu Taichung (ziarah keagamaan) Pesta Marin Teluk Dapeng Minggu Fesyen Taipei
Mei	Pesta Bunga Api Antarabangsa Penghu
Jun	Pesta Suria di Taiwan Pesta Seni Pantai Timur Taiwan dan Konsert Cahaya Bulan Tepi Laut

Jul.	Pesta Belon Antarabangsa Taiwan
Ogos	Pameran Masakan Taiwan
Sep.	Pesta Berbasikal Taiwan
Okt.	Pesta Berbasikal, Muzik & Bunga Api Tasik Sun Moon
Nov.	Pesta PASIWALI Taiwan Maraton Rentas Laut Kepulauan Gaillardia Penghu
Dis.	Pesta Mata Air Panas & Masakan Mewah Taiwan Christmasland di Bandar Taipei Baru

*Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web Pentadbiran Pelancongan di eng.taiwan.net.tw

**Pesta Tanglung Taiwan diadakan di bandar atau wilayah yang berlainan setiap tahun. Pada tahun 2025, pesta ini akan diadakan di Bandar Taoyuan.



(Kent Chuang)

Mata Wang



Dolar Taiwan Baru (NT\$ atau TWD)

Kadar pertukaran: NT\$32.37 bagi setiap US\$1 (Jun 2024)

Zon Waktu



Semua wilayah berada dalam zon waktu yang sama, UTC +8 jam (tiada pelarasan bermusim)

Kad Kredit dan Cek Kembara



Kad kredit utama diterima secara meluas. Cek kembara boleh ditunaikan di kaunter pertukaran asing bank, hotel dan kedai yang berorientasikan pelancongan.

Pemberian Tip



Pemberian tip bukan budaya di Taiwan. Caj perkhidmatan sebanyak 10 peratus biasanya dikenakan ke atas harga bilik serta makanan di hotel dan restoran.

Elektrik



AC 110 V / 60 Hz

Maklumat Visa



Biro Hal Ehwal Konsul

Kementerian Luar Negeri

Telefon: (+886)-2-2343-2888

Laman Web: www.boca.gov.tw

Peraturan Kastam



Pentadbiran Kastam, Kementerian Kewangan

Telefon: (+886)-2-2550-5500 sambungan 2116

Laman Web: web.customs.gov.tw